

07/10/1999

Keadilan bukan ancaman di Sabah

Johary Indan

PARTI Keadilan Nasional (Keadilan) yang menganggotai Barisan Alternatif, bukan parti alternatif kepada politik Sabah. Sebaliknya, ia dilihat sebagai kumpulan serpihan daripada pelbagai organisasi siasah yang sudah tersisih dan dipinggirkan majoriti rakyat Sabah.

Pemerhati politik Sabah melihat barisan pimpinan Keadilan yang diumumkan baru-baru ini, tidak sama sekali menggambarkan kewibawaannya sebagai landasan alternatif.

Justeru, mereka tidak menganggap Keadilan sebagai cabaran yang boleh menggugat keutuhan Barisan Nasional (BN) dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang, sekurang-kurangnya dalam konteks politik Sabah.

Berbanding agenda jangka panjang BN, isu yang cuba dilaungkan Keadilan dan parti pembangkang lain lebih bersifat domestik tanpa arah dan wawasan. Jurang perbezaan inilah menjadikan BN dan pembangkang umpama langit dan bumi - satu hakikat yang tidak mungkin dapat dinafikan.

Tanggapan bahawa Keadilan bukan alternatif bagi orang Sabah dipersetujui oleh Ketua Penerangan Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Karim Ghani, yang menyifatkannya sebagai mereka dari kalangan 'orang politik terbuang.'

Sememangnya dalam konteks politik kepartian dan amalan demokrasi, barisan kepemimpinan mencerminkan kewibawaan organisasi atau pertubuhan itu sendiri. Oleh itu, melihat kepada barisan pimpinan Keadilan itu, nyatalah tanggapan Karim ada rasionalnya.

Karim menganggap barisan pimpinan Keadilan tidak sama sekali menjejaskan sokongan penduduk Sabah terhadap BN dalam menghadapi pilihan raya Parlimen ini.

"Lebih-lebih lagi apabila melihat barisan pimpinan dilantik itu sebahagian besar mereka pernah dipecat BN atau pernah bertanding dalam pilihan raya dan hilang wang pertaruhan," katanya.

Berikutan itu, Karim mengulangi amaran memecat mana-mana ahli Umno yang didapati menyokong parti pembangkang, termasuk menyertai Keadilan, kerana tindakan itu menunjukkan mereka tidak setia kepada parti.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Salleh Tun Said, juga sependapat bahawa Keadilan tidak akan membawa kesan negatif kepada BN negeri ini dan yakin rakyat Sabah akan menolak parti itu dalam pilihan raya nanti.

"Keadilan tidak ada dalam politik Sabah. Rakyat negeri ini senang hati dengan BN di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Menurutnya, rekod cemerlang yang ditunjukkan BN selama ini menyedarkan rakyat untuk terus memberi sokongan kepada parti pemerintah.

Ketua Pemuda Umno Sabah, Juhari Janan, pula menyifatkan barisan pimpinan Keadilan itu golongan kecewa selepas hilang pengaruh dalam BN terutama ketika bersama Umno.

"Antaranya Abdul Rahman dan Mazhary yang nyata tidak berpengaruh selepas meninggalkan Umno untuk bertanding atas tiket pembangkang pada pilihan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, Mac lalu," katanya.

Menurut beliau, Pemuda Umno tidak gentar dengan barisan pimpinan Keadilan itu yang disifatkan biasa melompat parti sejak hilang pengaruh dalam parti komponen BN itu.

Oleh itu, Juhari berkata, Pemuda Umno Sabah bersedia menghadapi Keadilan dalam pilihan raya Parlimen di negeri ini pada bila-bila masa daripada sekarang.

Hakikatnya, kehadiran Keadilan dalam kancah politik Sabah tidak mungkin

mengubah senario, malah tidak mustahil ia akan menerima nasib sebagaimana yang dialami parti pembangkang lain ketika pilihan raya Sabah, 12-13 Mac lalu.

(END)